



Peruntukan RM600,000 bina rumah kelab sukan komuniti di Johor Bahru

JOHORBAHRU - Kerajaan sentiasa menyediakan perancangan strategik bagi meningkatkan pembangunan sukan dan riadah kepada masyarakat terutama golongan belia di negeri ini.

Perkara itu dapat dilihat menerusi pembinaan enam rumah kelab sukan (sports club house) di beberapa kawasan dalam daerah ini khusus untuk melancarkan sebarang aktiviti termasuk kemudahan sukan untuk belia.

Ahli Parlimen Johor Bahru, Tan Sri Shahrir Abd Samad berkata, RM600,000 dibelanjakan bagi membangunkan fasiliti yang kemudiannya diserahkan kepada pengurusan atau jawatankuasa penduduk untuk dikendalikan.

Menurutnya, enam lokasi pembinaan rumah kelab sukan berkenaan adalah di Padang Bandar Baru Uda, Taman Century, Perumahan Iskandar, Taman Sri Stulang, Larkin dan Sri Tebrau.

"Kita memperuntukkan RM100,000 untuk pembinaan setiap rumah kelab ini yang mana ia bertujuan untuk memberi galakan kepada golongan muda menyertai aktiviti sihat sekaligus meramaikan



Shahrir bergambar bersama pemain Pasukan Iskandar FC selepas menjuarai Kejuhanan Piala JPP/Ahli Majlis Zon Stulang.

komuniti sosial yang produktif.

"Selain itu, semua lokasi yang dipilih ini memiliki padang untuk dijaga. Jadi satu cara untuk memastikan ia sentiasa berfungsi rumah kelab ini diserahkan kepada

kelab bola sepak di setiap kawasan berkenaan untuk dimanfaatkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri perlawanan akhir Kejuhanan Bola Sepak Jemputan

Merebut Piala Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP)/Ahli Majlis Zon Stulang di Padang Sri Iskandar, di sini.

Hadir sama Exco Belia dan Sukan negeri, Datuk Zulkarnain

Kamisan; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Amran A Rahman dan Pengerusi Kejuhanan Piala JPP/Ahli Majlis Zon Stulang, Mohd Hairi Mad Shah.

Pada perlawanan itu, pasukan Iskandar FC dinobatkan sebagai juara selepas menewaskan pasukan Pasir Pelangi FC dengan jaringan 2-1 seterusnya membawa pulang hadiah wang tunai dan piala pusingan.

Sementara itu, Mohd Hairi yang juga Pengerusi JPP Zon Stulang berkata, kejuhanan yang julung kali dianjurkan secara tertutup itu menjemput lapan pasukan bola sepak terdiri daripada tiga agensi kerajaan dan selebihnya pasukan komuniti setempat.

"Pasukan daripada agensi kerajaan yang menyertai kejuhanan ini adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan MBJB, manakala selebihnya pasukan daripada komuniti setempat," katanya.